

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan prosedur menjalankan penyelidikan kajian. Pengkaji menggunakan dua kaedah dalam penyelidikan ini. Dua kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji iaitu soal selidik dan pemerhatian. Sementara temu bual tidak diberi tumpuan sepenuhnya dalam kajian ini dan dibuat secara sampingan sahaja. Ini kerana, kaedah temu bual adalah berdasarkan guru yang mempunyai anak yang cacat pendengaran sahaja. Dalam kajian ini hanya terdapat seorang guru sahaja yang mempunyai anak yang cacat pendengaran.

Soal selidik dan pemerhatian merupakan kaedah penyelidikan yang sering digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan. Begitu juga dalam kajian ini, pengkaji menjalankan penyelidikan menggunakan soal selidik dan pemerhatian. Menurut Ahmad Mahzan Ayob (1992) menyatakan bahawa dalam mana-mana tinjauan sosial, satu soal selidik atau instrumen yang seragam hendaklah digunakan. Soal selidik yang seragam itu mengandungi satu rentetan soalan yang telah digubal khas untuk mengumpul data bagi mencapai objektif kajian.

Manakala menurut Sulaiman Ngah (1996) soal selidik merupakan satu cara yang paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan jika dibandingkan dengan cara lain dalam usaha penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat kualitatif dan kuantitatif.

Kaedah kajian yang akan dibincangkan mencakupi perkara-perkara seperti reka bentuk penyelidikan, tempat kajian, instrumen kajian, tatacara kajian, subjek kajian, pra-kajian, kesahan kajian dan pemprosesan serta penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Fokus utama kajian ini ialah untuk mengkaji kaedah pengajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid pekak. Pengkaji mendapati responden menggunakan berbagai-bagai kaedah pengajaran untuk mengajar murid-murid pekak. Sifat positif guru juga turut dikaji untuk menambahkan lagi bahan kajian. Sifat-sifat sebegini perlu dimiliki oleh responden memandangkan murid yang dididik adalah murid yang istimewa. Oleh itu nilai pendidikan turut menjadi istimewa daripada guru-guru ini.

3.2 Tempat Kajian

Tempat kajian ialah Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Kampung Baru Kuala Lumpur, Shah Alam dan Temerloh. Pengkaji memilih Sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Kampung Baru Kuala Lumpur dan Shah Alam kerana kedua-dua tempat ini terletak tidak jauh di antara satu sama lain. Ini memudahkan kerja-kerja penyelidikan untuk dijalankan oleh pengkaji. Sementara Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Temerloh berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Kedua-dua faktor ini amat mempengaruhi kerja-kerja penyelidikan terutamanya untuk menjalankan penyelidikan secara pemerhatian. Kaedah pemerhatian memerlukan masa yang lama untuk mendapatkan hasil kajian.

3.3 Subjek Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada 15 orang guru. Kesemua responden ini mengajar BM murid-murid pekak di Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran yang berlainan sekolah. Bilangan guru yang khusus mengajar Bahasa Melayu bagi setiap buah sekolah ialah 5 orang sahaja. Oleh itu, jumlah guru di ketiga-tiga buah sekolah yang dikaji ialah 15 orang guru. Jumlah 5 orang guru ini juga sudah mencukupi bagi setiap buah sekolah. Ini kerana jumlah murid cacat pendengaran tidak seramai jumlah murid-murid normal. Secara purata setiap kelas atau darjah hanya 5 atau 6 orang murid sahaja bermula daripada tahun 1 hingga tahun 6. Jumlah murid-murid pekak adalah lebih kurang sama di antara sekolah-sekolah yang dikaji. Oleh itu 5 orang guru bagi setiap sekolah yang dikaji sudah mencukupi untuk mengajar BM murid-murid pekak.

3.4 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ialah kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik dan pemerhatian. Penggunaan soal selidik diberi kepada responden yang terdiri daripada guru-guru pendidikan khas bermasalah pendengaran yang mengajar bahasa Melayu. Responden dikehendaki menjawab kesemua soalan soal selidik yang disediakan. Dalam kaedah pemerhatian pula, selama tiga bulan pengkaji memerhati Guru Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran (GSRPKCP) dalam menggunakan kaedah pengajaran bahasa Melayu kepada murid-murid pekak. Sifat-sifat positif guru turut dikaji dalam memberikan pendidikan terbaik kepada murid-murid cacat pendengaran. Pengkaji juga berpeluang menemu bual salah seorang guru yang mempunyai anak yang cacat pendengaran.

3.5 Instrumen Kajian

Alat kajian ialah soal selidik. Dalam soal selidik, setiap sumber diteliti dan dikaji satu-persatu agar bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Di samping terdapat beberapa pernyataan di dalam soal selidik yang ditimbulkan sendiri oleh pengkaji bagi menepati kehendak kajian. Kemudian barulah soal selidik ini ditapis oleh mereka yang pakar dalam pendidikan murid-murid pekak. Berdasarkan sumber rujukan dan komen yang diterima, pengkaji berjaya menyiapkan soal selidik yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Soal selidik ini juga adalah untuk mendapatkan data tentang kaedah pengajaran Bahasa Melayu untuk murid-murid pekak.

Borang soal selidik mengandungi 4 bahagian iaitu seperti berikut:

- i) Bahagian A: Bahagian ini terdiri daripada butir-butir subjek iaitu latar belakang, nama sekolah, jantina, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan pengkhususan bidang pengajaran.
- ii) Bahagian B: Bahagian ini menyentuh tentang kefahaman responden tentang kaedah pengajaran BM murid-murid pekak.
- iii) Bahagian C: Bahagian C adalah berkaitan dengan kaedah pengajaran BM untuk murid-murid pekak.
- iv) Bahagian D: Bahagian ini membincangkan tentang pemilihan bahan pengajaran dan alat bantu mengajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa.

3.6 Tatacara Kajian

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji terlebih dahulu membuat tinjauan terlebih dahulu dengan mengenal pasti sekolah rendah bermasalah pendengaran. Setelah tinjauan dibuat,

pengkaji cuba mendapatkan kebenaran secara rasmi daripada pihak-pihak berkenaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Jabatan Pendidikan Khas. Pihak kementerian telah meluluskan permohonan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang dipillih.

3.7 Pra-Kajian

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dijalankan dengan kerjasama 15 orang guru yang sedang mengajar Program Pendidikan Khas (PPK) yang dipilih iaitu Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Temerloh, Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Kuala Lumpur dan Sekolah Rendah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran Shah Alam. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa alat kajian atau soal selidik yang digunakan bersesuaian dan dapat difahami oleh subjek kajian. Selain itu, 7 pra-kajian dijalankan adalah untuk mengetahui kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

3.8 Kesahan Kajian

Sebelum soal selidik diedarkan, ianya ditentukan kesahannya terlebih dahulu bagi mengesahkan dan menentukan item-item yang terkandung di dalam soal selidik tersebut dapat difahami dan disesuaikan dengan kehendak dan tujuan kajian. Pengkaji telah berbincang dengan guru-guru berpengalaman yang terlibat dalam pendidikan pekak. Berdasarkan pandangan mereka, pengkaji telah mengemaskini dan melengkapkan borang soal selidik. Setelah itu, soal selidik ini diberikan kepada guru-guru yang mengajar murid-murid pekak untuk dinilai, terutamanya berkenaan arahan dan pernyataan sama ada boleh difahami atau tidak.

3.9 Pemprosesan Dan Penganalisan Data

Data diperolehi daripada sampel kajian iaitu data yang dikumpulkan melalui hasil daripada soal selidik. Data ini diproses dan dianalisa mengikut susunan soalan dalam soal selidik. Dalam kaedah pemerhatian pula, data dianalisis mengikut sepanjang kaedah pemerhatian pengkaji selama 3 bulan. Semua kaedah pengajaran dikaji secara keseluruhan termasuklah sifat-sifat positif guru bagi menepati tajuk kajian.

3.9 Penutup

Kesimpulan daripada perbincangan di atas menggambarkan peringkat-peringkat kerja penyelidikan sebelum melaksanakan penyelidikan secara keseluruhannya. Sebelum pengkaji menjalankan penyelidikan, terlebih dahulu mendapat kebenaran pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Kemudian disusuli kerja-kerja penyelidikan sehingga terhasilnya sebuah penyelidikan yang bertajuk Kaedah Pengajaran Untuk Murid-Murid Pekak.

Penggunaan borang soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini serta kaedah pemerhatian, diharapkan dapat mengupas persoalan dan objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji. Data yang diperolehi daripada subjek kajian dapat dijadikan panduan bersama bagi mempertingkatkan dan memperkemaskan kaedah pengajaran Bahasa Melayu kepada murid-murid pekak. Ini adalah penting kerana, data yang diperolehi merupakan data yang berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh subjek dalam soal selidik dan juga hasil daripada pemerhatian. Di sini satu rumusan yang lebih menyeluruh dapat dihasilkan bagi membentuk kaedah atau pendekatan pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid pekak akan terjawab. Mereka juga tidak lagi dikatakan menghadapi masalah penguasaan bahasa dan juga tidak tercicir dalam bidang pendidikan.